

NO. SOALAN : 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)

Tuan William Leong Jee Keen [SELAYANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-sebab kerugian di Felda Global Ventures Holdings Bhd dan alasan-alasan FELDA membeli balik tanah perladangan dari Felda Global Ventures.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FGV tidak pernah mencatatkan kerugian tahunan dan juga tidak pernah gagal memberi dividen kepada pemegang sahamnya. Perolehan FGV juga meningkat setiap tahun sejak 2012 namun mencatatkan penurunan keuntungan disebabkan beberapa faktor seperti proses tanam semula secara agresif berikutan profil umur pokok yang tua, faktor cuaca dan juga ketidaktentuan harga minyak sawit mentah dunia.

Proses tanam semula (15,000 hektar setahun) perlu dilakukan walaupun FGV berdepan dengan kerugian lebih RM350 juta setahun termasuk kos-kos sepanjang tempoh pokok untuk matang. Pada tahun 2016, purata profil umur pokok adalah 15.9 tahun, manakala untuk tahun 2017 adalah 14.5 tahun. Menjelang tahun 2020, dianggarkan purata profil umur pokok di antara 12 ke 13 tahun dan penurunan pokok tua daripada 40% ke 25%.

Bermula tahun ini, FGV dijangka mula menerima impak peningkatan hasil kira-kira 600,000 metrik tan Buah Tandan Segar (BTS) dan ini dijangka memberi impak positif kepada prestasi kewangan FGV. FGV menjangkakan pertumbuhan positif ini akan berterusan dengan jangkaann kenaikan purata pengeluaran BTS adalah sebanyak 10 - 12% setahun sehingga tahun 2020.

Selain itu, FGV juga telah melancarkan Pelan Strategik 2020 (SP20) pada awal tahun ini yang fokus kepada peniagaan terasannya iaitu perladangan, mengukuhkan kewangan, mengurangkan kos, meningkatkan tadbir urus korporat yang baik dan menambah nilai kepada pemegang-pemegang saham.

Berkaitan pembelian balik tanah perladangan dari FGV oleh FELDA, dimaklumkan bahawa tiada pengumuman rasmi dibuat berkenaan perkara berkenaan.

Sekian. Terima kasih.